



COVID-19 buka prospek penyelidikan baharu

Oleh Dr Azlini Ismail - Ogos 17, 2021 @ 10:01am
bhrencana@bh.com.my



Prosedur operasi standard (SOP) diperkenalkan kerajaan untuk membendung pandemik COVID-19. - Foto hiasan

Di sebalik peraturan lebih ketat dan pelbagai prosedur operasi standard (SOP) diperkenalkan kerajaan untuk membendung pandemik COVID-19, aktiviti penyelidikan di universiti masih utuh bergerak.

Bagaimanapun, sebahagian aktiviti penyelidikan memerlukan eksperimen fizikal di makmal tertangguh kerana kekangan sepanjang pelaksanaan kawalan pergerakan.

Sebahagian kajian membabitkan pengumpulan data yang dulunya dilakukan secara bersemuka tergendala, manakala kebanyakannya terpaksa diubah kepada kajian secara dalam talian.

Selepas lebih setahun berdepan wabak ini, kita melihat norma baharu penyelidikan sama ada dalam atau luar negara.

Kita melihat pandemik turut membuka prospek penyelidikan baharu terutama menurus COVID-19. Kita melihat kumpulan penyelidikan di seluruh dunia berkongsi penemuan yang menunjukkan masih ada lagi konsep persaudaraan dan kebersamaan sejagat.

Dunia penyelidikan menyaksikan perkongsian pengetahuan dan penemuan mengenai COVID-19 berlaku pantas.

Dalam waktu singkat, tertubuhnya pangkalan data seperti Wiley COVID-19 Resources, NCBI SARS-CoV-2 Resources, dan NIH Open-Access Data and Computational Resources to Address COVID-19 daripada institut ternama sebagai platform perkongsian terbuka berkaitan COVID-19.

Malah, dunia penyelidikan juga melihat penerbit jurnal ternama seperti Elsevier, Springer, SAGE, dan PLOS yang membenarkan laluan pantas untuk penileian artikel berkenaan COVID-19 untuk mempercepat penyebaran ilmu berkaitan virus ini.

Kemajuan penyelidikan sangat baik dibuat penyelidik dari seluruh dunia membolehkan penghasilan vaksin lebih cepat daripada biasa. Sehingga kini, terdapat pelbagai jenama vaksin mendapat kelulusan dan diedarkan di seluruh dunia.

Di samping penghasilan vaksin, dunia menyaksikan inovasi teknik diagnostik untuk COVID-19 yang awalnya hanya boleh ditentukan melalui ujian nukleik asid menggunakan RT-PCR, kemudiannya terhasil kit ujian RTK-antigen lebih pantas.

Kini, terdapat beberapa kit ujian sendiri RTK-antigen diluluskan di negara ini yang hanya memerlukan sampel air liur sahaja, berbanding sebelum ini memerlukan calitan daripada tengkuk dan hidung.

Kajian penjujukan genom juga berjaya mengenalpasti beberapa mutasi virus, membantu kita dalam mengatur strategi untuk menangani pandemik ini lebih baik.

Tidak hanya tertakluk universiti dan institusi, penyelidikan dan inovasi berkaitan COVID-19 juga membabitkan sumbangan pelbagai Kementerian, jabatan kerajaan dan syarikat swasta.

Di negara ini, saintis data Malaysia mencipta CoronaTracker, platform sehenti menawarkan data kes dan kematian COVID-19 di seluruh dunia, sekali gus memberikan kemas kini berita global dan tempatan mengenai pandemik ini.

Kita juga melihat pembabitan syarikat swasta dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan termasuk Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan (KKM), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

Ini membabitkan inovasi perisian aplikasi MySejahtera untuk memantau COVID-19 secara menyeluruh di negara ini, termasuk pengenalpastian risiko jangkitan dan kontak hingga pengendalian pemberian vaksin.

Sehingga dunia dapat menyelesaikan pandemik COVID-19, mereka berada dalam dunia penyelidikan harus akur dengan norma baharu penyelidikan. Pada masa sama, sebolehnya penyelidik harus berganding bahu untuk merencana corak penyelidikan agar dapat menyumbang kepada penyelesaian dan pembaikpulihan kehidupan pasca pandemik nanti.

Penulis adalah Ketua Penyelidik & Inovasi, Kuliah Pergigian, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)